



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)

SUKU TAHUNAN

SUKU TAHUN PERTAMA 2025

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP)

FIRST QUARTER OF 2025

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*




SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR
SUKU TAHUN PERTAMA 2025

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAJUK UTAMA:
EKONOMI NEGARA MENURUN 1.8 PERATUS BAGI SUKU TAHUN
PERTAMA 2025

1. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada harga tetap mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus tahun-ke-tahun bagi suku tahun pertama (Q1) 2025. KDNK menurun daripada BND4.99 bilion pada Q1 2024 kepada BND4.90 bilion. Penurunan ini adalah disebabkan penurunan Sektor Minyak dan Gas sebanyak 1.5 peratus dan Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 2.0 peratus.



*Data yang dikemaskini

2. Sektor Minyak dan Gas bagi Q1 2025 menurun disebabkan oleh penurunan pengeluaran gas asli dan Gas Cecair Asli (LNG), berikutan dengan aktiviti penyelenggaraan yang berjadual dan tidak berjadual. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah meningkat, didorong oleh peningkatan kapasiti pengeluaran daripada telaga minyak sedia ada dan baharu.
3. Penurunan Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan subsektor-subsektor seperti Perikanan (-16.0 peratus), Lain-lain Pembuatan (-14.6 peratus), Perkhidmatan Kesihatan (-11.0 peratus), Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia (-7.8 peratus), Kewangan (-4.3 peratus), dan Perkhidmatan Perniagaan (-4.0 peratus).
4. Subsektor Perikanan menurun berikutan pengurangan dalam aktiviti penangkapan ikan yang terjejas oleh musim Tengkujuh (*monsoon season*). Subsektor Lain-lain Pembuatan menurun sejajar dengan pengurangan aktiviti yang berkaitan dengan industri minyak dan gas. Penurunan Subsektor Perkhidmatan Kesihatan adalah selaras dengan penstrukturan institusi perkhidmatan kesihatan swasta utama. Subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia menurun selaras dengan pengurangan pengeluaran produk petroleum dan kimia disebabkan aktiviti penyelenggaraan berjadual. Manakala, Subsektor Kewangan menurun selaras dengan penurunan pendapatan aktiviti perbankan. Subsektor Perkhidmatan Perniagaan menurun disebabkan oleh pengurangan permintaan perkhidmatan profesional, terutamanya aktiviti pengaturcaraan komputer.
5. Mengikut aktiviti ekonomi, sumbangan utama KDNK bagi Q1 2025 adalah sektor Industri yang menyumbang sebanyak 58.4 peratus, diikuti oleh sektor Perkhidmatan 40.5 peratus, dan sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 1.1 peratus.
6. Bagi Q1 2025, jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah sebanyak BND4.9 bilion, menurun daripada BND5.1 bilion pada Q1 2024. Daripada jumlah KDNK tersebut, Sektor Bukan Minyak dan Gas menyumbang sebanyak 54.2 peratus, antara lain terdiri daripada aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia. Manakala, Sektor Minyak dan Gas yang merangkumi Subsektor Perlombongan Minyak dan Gas, dan Pembuatan LNG yang menyumbang sebanyak 45.8 peratus.

7. Mengikut pendekatan perbelanjaan, KDNK negara menurun pada Q1 2025 disebabkan oleh Pembentukan Modal Kasar (pelaburan aset fizikal) yang menurun sebanyak 13.2 peratus, Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan 7.0 peratus, dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah 3.0 peratus. Walau bagaimanapun, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan meningkat sebanyak 0.8 peratus.
8. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Q1 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui deps.mofe.gov.bn.

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

SUKU PERTAMA 2025



جباةن فرانهفن ايكونومي دان ستاتيكستك
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM




**PERTUMBUHAN
KDNK**


-1.8%

	Q1 2024 ^r	Q1 2025
Jumlah dalam BND juta pada harga tetap	4,992.9	4,902.2
Jumlah dalam BND juta pada harga semasa	5,070.1	4,851.0


**KADAR PERTUMBUHAN (%)
PADA HARGA TETAP**



**AGIHAN (%)
PADA HARGA SEMASA**



**PENYUMBANG UTAMA SEKTOR
BUKAN MINYAK & GAS**




MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

**KADAR PERTUMBUHAN (%)
PADA HARGA TETAP**



AGIHAN (%) PADA HARGA SEMASA



deps.mofe.gov.bn



info.statistics@jpes.gov.bn



[@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)




MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
FIRST QUARTER OF 2025

BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:
BRUNEI DARUSSALAM'S ECONOMY CONTRACTED 1.8 PER CENT IN FIRST QUARTER 2025

1. *Brunei Darussalam's Gross Domestic Product (GDP) at constant prices recorded a year-on-year decline of 1.8 per cent in the first quarter (Q1) 2025. GDP decrease from BND4.99 billion in Q1 2024 to BND4.90 billion. This contraction was attributed to a 1.5 per cent decline in the Oil and Gas Sector and a 2.0 per cent decline in the Non-Oil & Gas Sector.*



*Revised data.

2. *The decline of the Oil and Gas Sector in Q1 2025 was due to lower production of natural gas and Liquefied Natural Gas (LNG), following both scheduled and unscheduled maintenance activities. In contrast, crude oil*

production increased, supported by higher output from both new and existing oil wells.

- 3. The contraction of the Non-oil and Gas sector was primarily attributed by decline in the subsectors such as Fishery (-16.0 per cent), Other Manufacturing (-14.6 per cent), Health Services (-11.0 per cent), Manufacture of Petroleum and Chemical Products (-7.8 per cent), Finance (-4.3 per cent), and Business Services (-4.0 per cent).*
- 4. The Fishery Subsector declined following a decline in capture fisheries activities which was affected by the monsoon season. The contraction in the Other Manufacturing Subsector was linked to reduced activities in oil and gas-related industries. The decline in Health Services Subsector was in line with the restructuring of a major private healthcare provider. The Manufacturing of Petroleum and Chemical Products Subsector experienced a decline mainly due to scheduled maintenance activities, which reduced the production level of petroleum and chemical products. Similarly, the Finance Subsector contracted following a slowdown in income from banking activities. The Business Services Subsector contracted due to reduce demand for professional services, particularly computer programming activities.*
- 5. By economic activity, in terms of GDP contribution for Q1 2025, the Industry Sector has contributed 58.4 per cent, followed by Services Sector 40.5 per cent, and the Agriculture, Forestry and Fishery Sector at 1.1 per cent.*
- 6. In Q1 2025, the economy's GDP at current prices was at BND4.9 billion, decreased from Q1 2024, which was at BND5.1 billion. The Non-Oil and Gas Sector contributed 54.2 per cent, comprises of downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, among others. The Oil and Gas Sector, which includes Oil and Gas Mining, and Manufacture of LNG contributed 45.8 per cent.*
- 7. By the expenditure approach, GDP growth in Q1 2025 declined as Gross Capital Formation (physical asset investment) contracted at 13.2 per cent, Net Exports of Goods and Services 7.0 per cent, and Household Final Consumption Expenditure 3.0 per cent. In contrast, Government Final Consumption increased by 0.8 per cent.*

8. *Gross Domestic Product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The full report for the GDP Q1 2025 is available from DEPS's website at deps.mof.gov.bn.*

GROSS DOMESTIC PRODUCT

FIRST QUARTER 2025



جباڤن فرانيچن ايكونومي دان ستاتيسٽيڪ
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM




GDP GROWTH


-1.8%

	Q1 2024 ^r	Q1 2025
Value in BND Million at constant prices	4,992.9	4,902.2
Value in BND Million at current prices	5,070.1	4,851.0

GROWTH RATE (%)
AT CONSTANT PRICES



SHARE (%)
AT CURRENT PRICES




NON-OIL & GAS SECTOR
KEY CONTRIBUTORS




BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY

GROWTH RATE (%)
AT CONSTANT PRICES



SHARE (%) AT CURRENT PRICES



deps.mofe.gov.bn



info.statistics@jpes.gov.bn



[@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)